

Pendidikan rentasi sempadan geografi

» Guru komited didik pelajar di pedalaman

Kaedah pendidikan yang mudah diadaptasi, inovatif dan berpatutan mampu dicapai jutaan pelajar melalui teknologi terkini diadaptasi AeU.

Rintangannya yang menanti bagi mereka yang ingin berjaya kerap kali sukar dijangka. Apatah lagi bagi guru di kawasan pedalaman yang menyambung pengajian dan perlu berdepan dengan rintangan geografi yang rumit.

Tidak seperti rakan mereka yang tinggal di kawasan bandar, kumpulan guru yang mengajar di kawasan terpencil perlu merentasi bentuk muka bumi yang sangat mencabar untuk menghadiri kelas pembelajaran, memperoleh akses kepada jalur lebar mahupun untuk menyertai sebarang aktiviti luar.

Bagi guru di kawasan terpencil, bentuk muka bumi yang men-

cabar bukanlah faktor penghalang sebaliknya situasi ini dalam jangkaan mereka bagi merealisasikan impian memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang menjadi inisiatif Kementerian Pendidikan dalam mempertingkatkan kelayakan guru.

Berdepan cabaran

Kota Marudu adalah antara daerah di negeri di bawah bayu yang menyaksikan pengorbanan guru dalam memperkasakan pendidikan. Sebagai contoh, Cikgu Joinin Jabil bukan sahaja menjalankan tugas hakiki sebagai guru, malah beliau juga adalah Penolong Kanan di bahagian Hal Ehwal Pelajar di sekolah Kebangsaan Magandai.

Bagi memastikan beliau dapat menyiapkan tugas dan memperoleh maklumat terkini mengenai program yang sedang beliau ikuti, bapa kepada empat orang anak ini membulatkan tekad hadir ke Pusat Pembelajaran AeU di Kota Marudu setiap kali kelas tutorial dikendalikan walaupun be-

liau perlu menempuh perjalanan yang panjang.


"Lazimnya saya ke kelas menunggang motosikal atau kenderaan pacuan 4 roda dari Magandai ke Tandek yang mengambil masa antara 4 hingga 6 jam jika cuaca mengizinkan. Jika cuaca buruk, ia akan mengambil masa lebih dari itu" ujar beliau.

Pada musim monsun, laluan sedia ada yang sememangnya tidak berturap akan menjadi lebih mencabar. Lumpur yang terhasil akan memberi kesan licin pada jalan yang seterusnya menyukarkan lagi perjalanan penunggang motosikal seperti Joinin.

Jika memilih menyewa pacuan 4 roda, beliau perlu menyediakan peruntukan besar iaitu sekitar RM950 bagi setiap perjalanan.

Sebagai pilihan paling ekonomik, Joinin sering memilih meneruskan perjalanan dengan berjalan kaki sehingga 8 jam lamanya.

"Saya bukan sahaja perlu melalui denai yang sejuk pada musim hujan malah kerap berselisih



Joinin Jabil



Joinin terpaksa menunggang dan menolak motosikalnya di sepanjang jalan serta lereng bukit berlumpur.

dengan haiwan yang mampu mengancam keselamatan saya di sepanjang perjalanan," katanya.

Pernah dipatuk ular

Untuk rekod, guru berusia 42 tahun ini pernah dipatuk ular beberapa kali yang menyebabkan beliau terlantar beberapa minggu di hospital.

Di sebalik keadaan beliau yang berhadapan masalah Gangguan Kebimbangan (Anxiety Disorder), guru subjek bahasa Melayu ini

tetap bersemangat untuk meneruskan pengajian sementelah memperoleh sokongan bersepadu dari AeU melalui kemudahan yang terdapat di Pusat Pembelajaran Kota Marudu.

"Saya sangat berpuas hati dengan persekitaran yang selesa dan mesra. Pusat Pembelajaran ini menyediakan apa yang kami (pelajar) perlukan dan kakitangan di sini sentiasa bersedia menghulurkan bantuan sekiranya diperlukan," katanya.